

P.U. (A) 151.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

**KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PENENTUAN INDIVIDU YANG
DILULUSKAN DAN TAHUN TAKSIRAN YANG DITENTUKAN DI BAWAH
PROGRAM KEPULANGAN PAKAR) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Individu yang Diluluskan dan Tahun Taksiran yang Ditentukan di bawah Program Kepulangan Pakar) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada seorang individu—
- (a) yang permohonannya di bawah perenggan 4(b) telah diluluskan oleh Menteri;
 - (b) yang pendapatannya diterima daripada penggajian dengan mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia; dan
 - (c) yang pengajiannya bermula pada atau selepas 1 Mei 2011.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“individu yang diluluskan” ertinya seorang individu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 4;

“Program Kepulangan Pakar” ertinya suatu program yang diuruskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dan diluluskan oleh Kerajaan;

“tahun taksiran yang ditentukan” ertinya—

- (a) lima tahun taksiran yang berturut-turut bermula dari tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu pilihan dibuat oleh seorang individu yang diluluskan untuk tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XV Jadual 1 Akta; dan

- (b) pilihan itu hendaklah dibuat dalam tahun taksiran atau tahun taksiran yang berikutnya yang mana individu yang diluluskan itu pulang ke Malaysia;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat berhad menurut jaminan—

- (a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dengan nombor pendaftarannya 919577-H dan bermastautin di Malaysia; dan
- (b) yang mempromosi dan memudahkan keupulungan mana-mana warganegara Malaysia yang bekerja sebagai seorang profesional di luar negara dan mewujudkan tenaga kerja pakar yang boleh dikekalkan di Malaysia di bawah Program Keupulungan Pakar.

Individu yang diluluskan

4. Dalam Kaedah-Kaedah ini, seorang individu yang diluluskan ialah individu yang—

- (a) merupakan warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- (b) telah membuat suatu permohonan di bawah Program Keupulungan Pakar dan permohonan itu telah diluluskan oleh Menteri untuk tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XV Jadual 1 Akta dan permohonan itu telah dibuat pada atau selepas 12 April 2011 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020;
- (c) merupakan seorang pakar dalam bidang yang ditentukan oleh Menteri;
- (d) tidak pernah memperoleh apa-apa pendapatan penggajian di Malaysia sekurang-kurangnya bagi tempoh berturut-turut selama tiga puluh enam bulan sebelum tarikh permohonan yang dibuat di bawah perenggan (b); dan
- (e) tidak pernah diluluskan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai

5. (1) Jika seorang individu yang diluluskan itu mempunyai pendapatan berkaitan dengan penggajian dengan mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tahun taksiran yang ditentukan, pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi individu yang diluluskan itu yang tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XV Jadual 1 Akta hendaklah ditentukan menurut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

apabila A ialah pendapatan berkanun daripada penggajian dengan orang yang bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tahun taksiran yang ditentukan;

- B ialah pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tahun taksiran yang ditentukan; dan
- C ialah pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tahun taksiran yang ditentukan:

Dengan syarat bahawa dalam hal taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) Akta, pendapatan agregat daripada semua punca hendaklah termasuk pendapatan daripada isteri atau suami, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada penggajian individu yang diluluskan itu telah ditentukan di bawah subkaedah (1), apa-apa lebihan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi individu yang diluluskan itu yang tertakluk kepada cukai hendaklah dikenakan cukai pendapatan bagi tahun taksiran itu di bawah Bahagian 1 Jadual 1 Akta pada kadar yang sepatutnya terpakai bagi pendapatannya yang boleh dikenakan cukai jika individu itu tidak diluluskan sebagai individu yang diluluskan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Ketidapkajaan

6. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terhenti terpakai bagi individu yang diluluskan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tahun taksiran yang ditentukan jika individu yang diluluskan itu berhenti daripada digajikan oleh mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia.

Dibuat 9 Mei 2012

[Per.(8.09)248/40/7-1906; LHDN.01/35/(S)/42/51/231-7.13;

PN(PU²)80/LXIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]